

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' YANG DIPERTUA
SEMPENA
PERHIMPUNAN KORPORAT
8 MEI 2017 (ISNIN), JAM 8.45 PAGI**

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, syukur ke hadrat Ilahi kena dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kita berkumpul pada pagi ini bagi Perhimpunan Korporat yang pertama bagi tahun 2017.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya mengambil kesempatan pada pagi ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang ada pada pagi ini. Ribuan terima kasih juga kepada semua Ahli Majlis kita yang turut meluangkan masa untuk hadir ke Perhimpunan Korporat pada pagi ini.

1. Cabaran-cabaran 2017

Tahun 2017, MPSP akan berdepan dengan pelbagai cabaran seperti persekitaran ekonomi, sosial dan pembangunan yang semakin mencabar. Bagi mentadbir PBT (MPSP) sebagai satu badan korporat, kita perlu mencari jalan untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos disamping tidak menjaskam kualiti perkhidmatan.

Seperti yang kita ketahui, Kerajaan Negeri sudah memberikan kemudahan kepada semua pembayar cukai di Pulau Pinang yang menduduki Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah, Rumah Kampung (tidak dikenakan cukai tahunan) dan premis yang lain diberikan 6% rebat. Kita sebagai staf MPSP yang ada rumah atau hartanah pun mendapat kemudahan ini. Oleh itu, kita sebagai staf MPSP hendaklah bekerja keras untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang selaras dengan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Dengan pengecualian dan rebat ini, sudah tentu pendapatan

Majlis akan berkurangan. Oleh itu, kita perlu bersama-sama memikul cabaran ini.

a) Penyusunan Semula Cara Bekerja

Pihak pengurusan telah berbincang dengan semua ketua jabatan untuk menyusun semula cara bekerja supaya lebih produktif dan “*value for money*”. Oleh itu, sistem syif telah dilaksanakan mulai 1 Mei 2017. Kerja secara syif ini bukanlah perkara baru, Skuad Khas dan Rumah Pam telah melaksanakan tugas secara syif. Kita dapati kerja syif ini lebih komprehensif dan produktif. Oleh itu, kerja secara shif ini telah dipanjangkan ke jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Direktorat Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap dan Jabatan Kemasyarakatan. Semua ketua jabatan dan pegawai kanan perlulah menyusun waktu kerja staf masing-masing mengikut syif.

b) Bayaran Kerja Lebih Masa

Semua staf diberi bayaran gaji dan emolumen bulanan (ini sudah tentu) dimasukkan ke dalam akaun masing-masing pada setiap 25hb setiap bulan. Kerja lebih masa (OT) adalah atas keperluan dan arahan pegawai atasan masing-masing. OT bukanlah rutin harian dan OT diminta untuk dilaksanakan apabila diperlukan. Oleh itu, saya tidak

mahu staf kita menyatakan tiada OT dan sebagainya. OT tetap akan diberikan apabila kerja diperlukan untuk dilaksanakan.

Mengikut peraturan dari JPA, maksima OT yang boleh diberikan adalah sebanyak 1/3 dari gaji pokok. Oleh itu pihak pengurusan telah menghadkan sebanyak 20% (OT) untuk tahun ini. Walau bagaimanapun jika ada keperluan dan kecemasan, tambahan akan dibenarkan mengikut kes-kes tertentu.

Saya berharap semua staf memberi kerjasama dan sokongan kepada pihak pengurusan dalam mengharungi cabaran tahun 2017 ini dan semua perbelanjaan mestilah "*value for money*". Keadaan bagi tahun 2017 ini adalah lebih baik dari tahun 2007 dan 2008. Saya difahamkan tahun 2008 dahulu, nak bayar gaji pun tidak ada duit. (Sesiapa yang terlibat ditahun 2007 dan 2008 dahulu akan faham). Tapi pada tahun 2017 ini, keadaan lebih baik dari tahun 2007 dan tahun 2008 dahulu.

Pada masa yang sama, semua jabatan diminta untuk merancang dan membuat perbelanjaan mengikut keutamaan. Semua kakitangan perlu memastikan setiap pembelian adalah *value for money* supaya tidak berlaku ketirisan. Di samping itu, tuan-tuan dan puan-puan juga boleh membantu mengurangkan kos klinik panel yang semakin meningkat

dengan meningkatkan kesihatan masing-masing melalui senaman dan juga cara pemakanan yang lebih seimbang.

c) Kebajikan Kakitangan

i. Perubatan dan Klinik Panel

MPSP menitik beratkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan. Bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan, Untuk tahun 2017, MPSP telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2.7juta iaitu bagi perkhidmatan perubatan berjumlah RM1.35 juta. Manakala bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan klinik panel disediakan kepada kakitangan dan kakitangan berkeluarga dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.35 juta. Bagi tempoh Jan-Mac 2017, jumlah perbelanjaan perubatan dan klinik panel adalah sebanyak RM809,354.00. Peruntukan untuk 2017 meningkat berbanding 2016 (RM2.6juta) dan 2015 (RM2.4juta). Kemudahan Kesihatan yang diberikan kepada kakitangan Majlis adalah seperti berikut:

a) Kemudahan rawatan Klinik Panel MPSP

- **65 buah Klinik Panel MPSP**
 - SPU - 20 buah
 - SPT - 18 buah

- SPS – 9 buah
- Pulau Pinang – 2 buah
- Kedah (Kulim, Padang Serai & Sungai Petani) – 14 buah
- Perak (Parit Buntar) – 2 buah

b) Perbelanjaan kemudahan perubatan

- Perbelanjaan rawatan hemodialisis
- Institut Jantung Negara
- Lain-lain

i) Kemudahan-kemudahan lain kepada kakitangan Majlis adalah seperti berikut:

- Skim Perlindungan PERKESO (kakitangan kontrak)
- Skim Ex-Gratia Bencana Kerja (kakitangan tetap)

ii. Ex-Gratia

MPSP juga telah membelanjakan sebanyak RM89,313.70 pada tahun 2015 dan RM26,989.27 pada tahun 2016 bagi bayaran pampasan (*ex-Gratia*) kepada pekerja dan waris pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa bertugas. Manakala sehingga Mei 2017, RM172,840.95.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Pentadbiran

Tonggak kecemerlangan sesebuah organisasi terletak kepada jentera pengurusannya yang berwawasan. Pegawai dan kakitangan yang mengamalkan budaya kerja cemerlang akan mencacatkan usaha untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti.

a) Displin/Tatatertib

Sehingga Mei 2017, MPSP telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 6 kes berbanding tahun 2016 iaitu 9 kes. Manakala bagi kakitangan kontrak yang ditamatkan perkhidmatan / kontrak tidak diperbaharui sehingga Mei 2017 adalah 47 kes berbanding 154 kes tahun 2016. Saya menyeru semua kakitangan MPSP supaya sentiasa menjaga tatatertib semasa menjalankan tugas dan tiada kelewatan datang bertugas di tempat kerja. Memastikan semua peraturan perkhidmatan dipatuhi semasa menjalankan tugas.

Oleh yang demikian, semua ketua-ketua jabatan harus memberikan perhatian yang serius ke atas perkara ini. Kakitangan yang bermasalah haruslah dirujuk dengan Pihak Berkuasa Pelantikan & Tatatertib agar ia dapat menjadi iktibar kepada kakitangan yang masih bermasalah.

GAJI MINIMA BAGI GRED H11

- RM1218.00 minima mulai 1/7/2016
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) - RM95.00
- Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) - RM300.00
- Bantuan Sara Hidup - RM300.00
- Kemudahan Klinik Panel – bujang RM200.00 dan berkahwin RM500.00
- Caruman PERKESO
- Caruman KWSP
- Cuti Rehat Tahunan
- Perkhidmatan percuma di Hospital Kerajaan
- Kemudahan “*Uniform*”
- Peralatan Keselamatan (PPE)

Penjawat Awam juga perlu menjaga etika semasa bekerja. Sebarang penyaluran maklumat perlulah melalui saluran yang betul. Begitu juga dengan setiap cadangan perlu dikemukakan melalui saluran yang betul iaitu melalui penyelia, pegawai atasan, Ketua Jabatan serta Anulea / MBJ bukannya melalui media sosial / *facebook*.

Integriti

Nilai integriti perlu ada dalam diri setiap kakitangan MPSP sama ada melalui penampilan, sikap dan keputusan yang diambil. Jika kakitangan tidak mempunyai nilai integriti dalam melaksanakan tugas, maka ianya akan merosakkan reputasi organisasi secara keseluruhan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Latihan

Bagi memantapkan dan meningkatkan prestasi kakitangan, MPSP telah merangka dan melaksanakan pelan latihan berdasarkan keperluan kerja dan kemahiran kakitangan yang meliputi pengurusan sumber manusia, pemantapan integriti, pengurusan ICT, pengurusan kebersihan, pengurusan kualiti, pengurusan kewangan dan aset, pengurusan aduan dan perhubungan awam, perundangan penguatkuasa dan kehakiman, seni pengindahan, keselamatan dan kesihatan pekerja, pengukuhan semangat berpasukan dan peningkatan motivasi. Sehingga April 2017 kursus-kursus yang disediakan adalah, 44 kursus dalaman, 34 kursus luaran dan 5 kursus luar Negara (8 orang). Jumlah kakitangan yang hadir ke kursus adalah seramai 1522 orang.

Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif. Budaya menangguhkan kerja perlu dielakkan. Oleh itu, MPSP sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi dikalangan kakitangan agar kualiti penyampaian

perkhidmatan MPSP dapat ditingkatkan dari masa ke semasa sehingga dapat memperolehi pencapaian yang amat membanggakan.

Kakitangan MPSP perlu bertindak selangkah ke hadapan dan menjalankan tugas dengan semangat berpasukan (*No Silo Mentality*). Kita hendaklah memperbaiki tata cara pemantauan kerja sama ada di pejabat atau di tapak projek. Pemantauan sangat penting bagi memastikan kerja-kerja disiapkan dalam tempoh kontrak dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Dengan mengamalkan pengurusan berpandukan proses (*Process driven management*), dimana kakitangan atau pegawai dapat menjalankan tugas berdasarkan langkah-langkah yang ditetapkan (SOP, pekeliling, dasar) tanpa bimbingan dan arahan pengurusan atasan. Oleh itu pentingnya kita memperkemaskan SOP sedia ada dan semua kakitangan hendaklah faham dan mengetahui tugas masing-masing.

Suka saya tekankan di sini petikan dari ucapan Ketua Menteri semasa Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama YAB Ketua Menteri Tahun 2016 pada 6 Februari 2017 berkenaan aspek yang perlu dititikberatkan dalam memastikan semua penjawat awam Negeri Pulau Pinang yang dilantik dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh berhemah dan berdisiplin. Semua

penjawat awam perlu memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah 3A (*Available, Accessible, Affordable*) agar tanggungjawab yang diberikan dapat disampaikan secara 3B (Bersih, Bijak, Berani) dalam usaha untuk mengatasi permasalahan utama negeri ini iaitu 3C (*Crime, Cleanliness, Congestion of Traffic*). Semua ini merangkumi kerja 3D (*Dirty, Difficult, Dangerous*) agar kita dapat menjadi Kerajaan Negeri berjiwa rakyat yang berasaskan 3E (*Enable, Empower, Enrich The People*) iaitu memperkasakan rakyat, memperkuasakan rakyat dan memperkayakan rakyat. Semua penjawat awam juga harus bersifat 3F (*First, Fast, Faithful*) agar kita dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan pantas dan sentiasa setia kepada Kerajaan Negeri dan rakyat dalam usaha untuk memastikan Negeri Pulau Pinang sentiasa 3G (*Green, Gender Sensitive, Generation-rated* agar menggunakan teknologi terkini).

Di dalam ucapan YB Dato Seri SUK Pulau Pinang baru-baru ini juga ada menekankan tentang elemen SIKAP iaitu *Skill, Interest, Knowledge, Attitude and Procedure*. Sekiranya mahu berjaya, kita perlu melihat contoh-contoh yang baik dan daripada mereka yang telah berjaya. Sebagai sebuah pasukan, kita semua perlu berjaya agar kita dapat menyaksikan kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

Semasa Majlis Perjumpaan Ketua Setiausaha Negara Bersama Datuk Bandar Dan Yang Di-Pertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2017 pada 9 Mac yang lalu, YB KSN memaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri telah mengumumkan tahun 2017 sebagai “*year of delivery*”. Ini bermaksud, sebagai penjawat awam, kita mesti melaksanakan projek, program, perkhidmatan dan inisiatif-inisiatif yang telah diputuskan Kerajaan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Kita perlu fokus menyampaikan perkhidmatan lebih jitu kepada rakyat.

3. Fokus 2017

MPSP telah menyediakan Fokus MPSP 2017, dimana 9 fokus telah dibentuk yang merupakan ‘core business’ MPSP iaitu:

1. Kebersihan
2. Keselamatan & Lalulintas
3. Penguatkuasaan
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja

Fokus MPSP 2017 ini adalah kesinambungan dari Fokus MPSP 2016. Sebanyak 97 program dan 151 aktiviti dan 155 KPI telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini. Isu kebersihan masih menjadi keutamaan dalam Fokus 2017. Kebersihan meliputi pengurusan sisa pepejal, kebersihan tandas, pasar, kompleks makanan dan kemudahan awam (*public spaces*) di MPSP. Sehingga Mac 2017 pencapaian bagi semua fokus adalah 38.97%.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Projek Pembangunan

Dalam langkah mempercepatkan proses permit pembangunan (Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan, Pelan Lanskap dan Perihal Tanah) MPSP telah melaksanakan Prosedur Pengemukaan dan Pemprosesan Permohonan Secara Online (OSC Online) mulai 1 Februari 2016. Tindakan tersebut merupakan antara usaha daripada pihak Kerajaan dalam menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam bidang hartanah.

Di sini, suka juga saya memaklumkan bahawa bagi pembangunan di Seberang Perai, prestasi permohonan telah diselesaikan dalam tempoh

piagam iaitu dari 53.28% pada tahun 2007 telah mencatat peningkatan setiap tahun sehingga 78.63% bagi tahun 2012, 85.61% bagi tahun 2013 dan sebanyak 94.18% bagi tahun 2014. Walau bagaimanapun, berlaku sedikit penurunan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 83.55%. Namun meningkat semula kepada 87.66% bagi tahun 2016.

Sehingga April 2017, MPSP telah merekodkan penerimaan sejumlah 372 permohonan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 173 permohonan (46.51%) telah diputuskan. Namun begitu, jumlah permohonan yang diterima pada tahun ini adalah berkurangan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016 iaitu 448 permohonan. Pengurangan sebanyak 76 permohonan. Secara keseluruhan, peratusan permohonan selesai dalam piagam sehingga April 2017 adalah 98.84% atau 171 permohonan, meningkat 7.55% berbanding tempoh sama pada tahun 2016 iaitu 91.29%. Permohonan pembangunan tertinggi adalah di Seberang Perai Tengah dan diikuti masing-masing di Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Utara.

5. Pengauditan

Pada tahun ini, terdapat dua (2) pengauditan yang akan di jalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang iaitu Pengauditan Ke atas Pengurusan Kemudahan Awam di Majlis Perbandaran Seberang Perai

dan Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Akauntabiliti Indeks.

Untuk makluman semua, Pengauditan ke atas Pengurusan Kemudahan Awam di Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang dijalankan bermula dari 17 April 2017 sehingga 17 Julai 2017 iaitu lebih kurang 4 bulan proses pengauditan tersebut akan dijalankan. Pengauditan ini merupakan pengauditan prestasi iaitu ia menilai sama ada pengurusan kemudahan awam di MPSP diuruskan dengan cekap, ekonomi dan berkesan untuk keselesaan orang awam. Skop pengauditan meliputi aspek pengurusan perancangan, pembinaan, penyenggaraan dan pemantauan terhadap kemudahan awam bagi tempoh 2014 sehingga 2016. Kemudahan awam yang diliputi adalah kemudahan di bawah tanggungjawab dan pengurusan MPSP. Justeru itu, Jabatan yang terlibat dengan pengauditan ini dikehendaki untuk memberi kerjasama dengan Juruaudit bagi melancarkan proses pengauditan.

Manakala Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Akauntabiliti Indeks pula dijangka dijalankan pada bulan September 2017. Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan/agensi dilaksanakan

mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Indeks Akauntabiliti ialah sistem indeks yang digunakan oleh Juruaudit untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan. Indeks prestasi pengurusan kewangan dan penarafan dikeluarkan pada setiap tahun berdasarkan prestasi pengurusan kewangan audit. Penarafan yang diberikan adalah berdasarkan bintang iaitu dari satu bintang sehingga lima bintang yang mewakili tahap tidak memuaskan sehingga cemerlang seperti:

Tahap	Markah keseluruhan	Penarafan
Cemerlang	90%-100%	5 bintang
Baik	80%-89.9%	4 bintang
Memuaskan	70%-79.9%	3 bintang
Kurang Memuaskan	60%-69.9%	2 bintang
Tidak Memuaskan	59.9% ke bawah	1 bintang

Untuk makluman semua, kali terakhir MPSP diaudit adalah pada tahun 2013 dan MPSP telah berjaya mendapat markah sebanyak 89.95% iaitu ditahap baik dan diwakili oleh 3 bintang. Pada tahun tersebut, penarafan bintang yang diberikan hanyalah sehingga 4 bintang.

Pengauditan Amalan 5S pula dijalankan setiap tahun oleh MPC bagi mengekalkan pensijilan yang telah diterima oleh MPSP pada 3

Disember 2014. MPSP telah mengamalkan amalan 5S sejak dahulu lagi namun baru memperoleh pensijilan pada tahun 2014. Oleh yang demikian, semua kakitangan diseru agar menjadikan amalan 5S sebagai budaya dan bukan hanya untuk diaudit. Banyak manfaat yang diperoleh dari pengamalan budaya 5S ini antaranya mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal. Perlaksanaan Amalan 5S yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja. Untuk tempoh 4 bulan pertama tahun 2017 ini, Unit Audit Dalam telah berjaya menjalankan satu siri Audit Dalaman 5S yang telah dijalankan pada 27 Februari 2017 dan laporan telah dikeluarkan kepada semua Jabatan pada 31 Mac 2017. Untuk pengauditan Siri 1 ini, 3 Zon yang Berjaya mendapat markah tertinggi ialah Zon Seroja (Lobi dan bilik mesyuarat) dengan markah sebanyak 79%, Zon Rafflesia (Tingkat 9) dengan markah sebanyak 78% dan Zon Tulip (Tingkat 6) dengan markah sebanyak 78% juga. Pengauditan siri 2 dijangka dijalankan pada bulan Mei 2017. Sehubungan dengan itu, semua kakitangan dimohon bersedia dan membudayakan amalan 5S setiap masa.

6. Aduan

Sebagai makluman semua, jumlah aduan yang diterima sehingga Mac 2017 adalah sebanyak 3489. Daripada jumlah tersebut sebanyak 83%

telah berjaya diselesaikan. Hasil perbandingan yang boleh dibuat menunjukkan bahawa aduan yang diterima pada tahun 2017 telah meningkat berbanding tahun 2016 (perbezaan 17 Aduan) namun dapat dilihat juga bahawa semua jabatan telah berusaha untuk menyelesaikan aduan yang diterima.

Saya berharap semua jabatan dapat memberi kerjasama yang baik dalam menjawab aduan mengikut SOP yang telah ditetapkan iaitu aduan perlu dijawab dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan agar semua maklum balas dapat disampaikan kepada pengadu dalam tempoh yang telah ditetapkan.

7. Pengasingan Sisa Di Punca

Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini, untuk sekali lagi mengingatkan semua mengenai Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang yang mana akan dikuatkuasakan penguatkuasaanya pada 1 Jun 2017. Buat masa sekarang, MPSP telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada premis-premis yang didapati tidak mengasingkan sisa di punca. Sebanyak 9446 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan dari Ogos hingga 9 Disember 2016. Manakala untuk tahun ini sehingga 17 Mac 2017, sebanyak 5836 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan.

Semua warga MPSP perlu melaksanakan pengasingan sisa di punca di rumah masing-masing. Kita perlulah menjadi tauladan kepada orang ramai bahawa kakitangan MPSP juga menjalankan pengasingan sisa.

8. Penggunaan/ Pembaziran Elektrik

Melalui program EnMS yang dilaksanakan secara berterusan, kesan positif untuk penurunan penggunaan elektrik telah diperolehi. Perbandingan penggunaan tenaga elektrik bagi bulan Jan 2016 – Mac 2016 dan Jan 2017 – Mac 2017 didapati terdapat penurunan sebanyak 1.88% iaitu (9,281 kWh).

9. Pencapaian MPSP

Tahun 2017, penuh dengan cabaran dan peluang (challenges & opportunities) untuk kita menambahbaik kualiti perkhidmatan MPSP.

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dinobatkan untuk menerima dua anugerah di Majlis “Malaysia Landscape Arhitecture Awards (MLAA) Gala Dinner” di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur pada 22 April 2017.

Majlis Penyampaian Anugerah ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Anugerah yang telah diterima oleh MPSP adalah :

- i. Special Honour Award di bawah Government Category: Green Initiatives Awards telah dinobatkan kepada Projek Butterworth Baharu Regeneration Plan: Empowering Community & Public Space telah menerima trofi dan sijil.
- ii. Honour Award di bawah Government Category: Green Initiatives Awards telah dinobatkan kepada Projek Sustainable Milieu Through Green Initiatives : An Approach of Public, People & Private Partnership (4PS) telah menerima trofi dan sijil.

MPSP telah disenarai pendek daripada 12 PBT yang terpilih dalam AIPBT 2017 peringkat KPKT. Pembentangan Laporan Penuh AIPBT telah dibentangkan oleh Tuan Setiausaha Perbandaran pada 2 Mei 2017 (Selasa) di KPKT, Putrajaya. Sebanyak 22 inovasi telah diketengahkan oleh MPSP dalam kategori Kluster Alam Sekitar (seberang Perai Bersih, Kehijauan, Sihat Melalui Kesepakatan Komuniti).

Inovasi-Inovasi tersebut adalah:

1. Anugerah Sekolah Hijau
2. *Smart Manage Recycle Centre (SMRC)*

3. *Smart Partnership Upcycle Program*
4. *Smart Partnership (Pocket Park)*
5. *Pop-Up Parks*
6. *Corporate Environmental Commitment*
7. Program Taman Bersih
8. *Resp-Comm*
9. Perangkap Sampah Scupper Drain (PSSD)
10. *Ergonomic Trolley Tipping (ETT)*
11. *Mobile Dustpan*
12. *Smart Barrow 4 Compacement (Smart WB 4C)*
13. *Tree Measuring Tool*
14. *Rubber Stopper Bump*
15. *D'Feedback*
16. *D-Vet7*
17. *Special Parking*
18. *E-COB*
19. SISKEN2.0
20. *Ezy Sketch Plan*
21. *S-Sanction*
22. *Panel Klinik Online*

Sementara itu, pada 4 hingga 7 April 2017, YBhg. Dato' Yang Dipertua dan En. Shaqhrony Bin Md Yusoff, Ketua Jabatan Lanskap telah menghadiri *The Women Mayors Pre Conference UCLG ASPAC Executive Bureau Meeting 2017* dan dijemput sebagai *speaker* untuk *The Local Leaders Dialogue Panel Session in The Asia Pacific Conference* di *Catbalogan City, Philippines*. Semasa di Catbalogan, YBhg Dato' Yang Dipertua telah dilantik sebagai *Co. President for Women in Local Government* dan *Chairman of Standing Committee of Women in Local Government of UCLG ASPAC*.

10. Program –Program Akan Datang

a) Plan Butterworth Baharu

Butterworth Fringe Festival akan diadakan pada 12 & 13 Ogos 2017 bertempat di Jalan Jeti Lama, Butterworth. BFF 2017 adalah akan dianjurkan buat kali yang ketiga.

Projek Butterworth Art Walk Fasa 2 sedang dalam pelaksanaan yang mana dijangka siap pada minggu kedua bulan Mei 2017. Butterworth Art Walk adalah satu projek berkonsepkan art street mural di Lorong Bagan Luar 1 yang mana mural-mural yang dilukis adalah berkaitan sejarah dan warisan Seberang Perai.

Seterusnya, Projek Fizikal yang sedang dalam pembinaan adalah Naiktaraf Tempat Letak Kereta Sediaada dan Rain Garden di Jalan Jeti Lama. Projek naik taraf public spaces ini adalah untuk kegunaan awam. Tapak Rain Garden ini adalah merupakan main stage Program BFF.

Manakala bagi Projek Naik Taraf Pocket Park Lebuh Benggali berdekatan dengan kawasan Apartment Ria, Butterworth telah siapa sepenuhnya dan dibuka untuk kegunaan orang awam.

Seterusnya di bawah Pelan Butterworth Baharu juga dalam rangka mengaktifkan Kolam Renang milik MPSP di kawasan Apartment Ria, Butterworth akan dilaksanakan Projek Naik Taraf Kolam Renang. Kolam renang tersebut dibuka untuk kegunaan awam.

b) BM My Home Town

Pasukan kerja Bukit Mertajam akan mengadakan program bersama penduduk tempatan bagi melaksanakan 4 projek perintis yang dikenalpasti iaitu pengukuhan Tingkat 1 Pasar Awam Bukit Mertajam, mewujudkan reruang awam di dalam bandar Bukit Mertajam, pengekalan bangunan dengan nilai warisan dan pengurusan dan penyuraian trafik. Keutamaan perlaksanaan adalah bagi mewujudkan

ruang awam/*pocket park* di lorong sisi di Jalan Ooh Choi Cheng dan dalam perbincangan bersama pihak petron utk kerjasama CSR.

c) Pegawai dihantar ke Yokohama untuk LatihanTeknikal

Seramai 6 pegawai MPSP akan dihantar untuk latihan teknikal di Yokohama, Jepun. Latihan teknikal ini adalah sebahagian daripada MOU yang telah ditandatangani di antara MPSP, Yokohama City, Yokohama City University, USM dan JICA. Pegawai yang terlibat akan didedahkan secara langsung perancangan reka bentuk bandar di Yokohama dan juga penglibatan masyarakat yang dilaksanakan di dalam perancangan bandar di sana.

d) *World Cities Summit and Mayors Forum 2017*

YBhg. Dato' Yang Dipertua dan Cik Tan Joo Tee, Penolong Pengarah Kemasyarakatan akan menghadiri *World Cities Summit and Mayors Forum 2017* pada 16 hingga 21 Mei 2017 di City of Suzhou, China. Tujuan menghadiri program ini adalah bagi mengadakan perbincangan bagaimana untuk menangani cabaran pembangunan semasa dan berkongsi *best practices* bagi menjadikan sesebuah bandar sesuai dan mampan untuk didiami.

e) *Panel Expert and Pocket Talk Speaker*

Pada 31 Julai hingga 3 Ogos 2017 Dato' Yang Dipertua dan En. Wan Junaidy Bin Yahaya, Pengarah Kemasyarakatan akan menghadiri *Panel Expert and Pocket Talk Speaker in Astana Expo 2017* di Astana, Kazakhstan. Pengajur bagi program ini ialah *Malaysia Green Technology Corporation* dengan kerjasama Kementerian Tenaga dan Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Tujuan lawatan ini adalah bagi mengadakan perbincangan mengenai best practices Malaysia, mengadakan pameran dan mempromosikan produk-produk serta perkhidmatan dalam teknologi hijau dan sektor tenaga. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato' Yang Dipertua dijemput bagi pembentang kertas kerja yang bertajuk:-

- i. *International – Local Partnership for Sustainable Urban Development Talk by ICLEI – Local Government for Sustainability.*
- ii. *Green Climate Cities Program: A pathway to urban low-carbon development, Talk by ICLEI – Local Government for Sustainability.*
- iii. *Resources Recovery Program Experience Sharing by Dato' Maimunah Mohd Sharif, President, Municipal Council of Seberang Perai, Penang, Malaysia.*

iv. Panel Discussion Building Cities and Human Settlements Inclusive, Safe, Resilient and Sustainable yang mewakili panel daripada ICLEI.

Sebagai penutup, suka saya menyeru sokongan padu dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada warga MPSP sekalian bagi menjayakan segala transformasi dan perubahan positif dalam perjalanan kita menghadapi cabaran-cabaran akan datang. Kita juga perlu menjadi lebih cekap, lebih responsif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada *stakeholders* kita. Kita perlu menambahbaik dan mengekalkan penarafan yang kita perolehi samaada di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa. Yang lebih penting adalah semua penarafan kita ini dapat dirasai oleh semua pembayar cukai di Seberang Perai

Dengan itu, saya Sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.